

15/06/2005

Mahathir-Memoir

DR MAHATHIR BIMBANG MEMOIRNYA KURANG SENSASI

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang ketika memegang jawatan itu sering menegur media massa tempatan kerana mensensasikan bahan berita, hari ini bimbang pula memoir beliau nanti kurang mendapat sambutan.

Dr Mahathir berkata beliau telah enam kali cuba menulis memoirnya tetapi setiap kali percubaannya itu gagal kerana berpendapat gaya tulisannya kurang menarik perhatian.

"Tidak ramai yang boleh menulis tulisan yang ingin dibaca oleh orang lain, kecuali kalau tulis untuk bacaan diri sendiri lainlah. Ramai yang telah tanya saya bila nak siap memoir saya. Saya telah cuba enam kali tetapi masih tidak siap," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada Majlis Penyampaian Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2004 di di Seri Kembangan dekat sini.

Beliau berkata untuk menghasilkan penulisan yang baik, selain menggunakan bahasa yang betul, susunan ayat juga perlu menarik.

Mengenai memoirnya, Tun Mahathir berkata ia memerlukan lebih banyak masa lagi sebelum memoirnya boleh disiapkan

"Kena tunggu lagi kerana sekarang ini saya dapat banyak jemputan, macam-macam sahaja untuk buat ini dan itu, ada pelbagai alasan untuk tidak menulis," katanya.

Pada majlis itu 29 penulis memenangi pelbagai anugerah dalam kategori cerpen, cerpen remaja, puisi, novel remaja, kajian dan rencana sastera.

Mohd Faizal Musa atau nama timangannya Faisal Tehrani mengguguli senarai pemenang hadiah Sastera Kumpulan Utusan tahun ini apabila memenangi tempat pertama dan kedua kategori Novel Remaja menerusi novel berjudul Advenser Si Peniup Ney dan Detektif Indigo.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

YBK YBK LAT